


BERITA HARI INI

MEDIA : Bernama.com TARIKH : 3 Julai 2021
RUANGAN : Am HARI : Sabtu
TAJUK : PPTGWPL tambah baik sistem pentadbiran tanah di Labuan

AM

PPTGWPL tambah baik sistem pentadbiran tanah di Labuan



LABUAN, 3 Julai -- Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Labuan (PPTGWPL) akan beralih kepada sistem dalam talian sepenuhnya melalui sistem e-Tanah bersepadu.

Langkah itu sebagai sebahagian daripada usaha menambah baik dan menaik taraf sistem pentadbiran tanah bagi memudahkan orang ramai mendapatkan informasi, membuat pembayaran, semakan atau carian, cetakan dan pelbagai urusan lain.

Pengarah PPTGWP Datuk Muhammad Yasir Yahya berkata sistem e-Tanah akan memberikan pelbagai faedah kepada semua pelanggan yang berurusan dengan PPTGWPL termasuk pemilik tanah, pemajak tanah, bank-bank komersial, penyewa tanah persekutuan, firma guaman, pihak pemaju, pihak juruukur berlesen dan penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan (WP Labuan) secara amnya.

"Antara kemudahan yang disediakan ialah perkhidmatan Kaunter SPOC (Single Point Of Contact), semakan dan pembayaran cukai tanah, premium, royalti dan pelbagai

pembayaran lain secara dalam talian, carian hak milik persendirian, permohonan urusan seperti pindah milik tanah dan gadaian,” katanya kepada Bernama.

Selain itu, katanya pelanggan juga boleh melakukan carian daftar strata secara berkomputer, notifikasi status perserahan melalui auto e-mel dan notifikasi pertukaran pemilikan harta tanah kepada pihak berkuasa tempatan secara auto e-mel.

Muhammad Yasir berkata kemudahan ini bakal memberikan impak positif dalam pelbagai aspek pengurusan dan pentadbiran tanah di WP Labuan, termasuk peningkatan kualiti perkhidmatan dengan kemudahan yang lebih mesra rakyat.

“Dengan adanya perkhidmatan dalam talian, pelanggan boleh mengakses maklumat dengan lebih mudah dan pantas selain urusan pembayaran seperti bayaran cukai tanah lebih mudah.

“Ia juga memberi kemudahan kepada pemilik-pemilik tanah di WP Labuan yang berada di luar kawasan membuat pembayaran cukai tanah tanpa perlu datang ke kaunter PPTGWPL, sekali gus mengurangkan interaksi secara bersemuka terutama ketika negara masih berhadapan pandemik COVID-19,” katanya.

Beliau berkata penggunaan e-Tanah juga dapat mengurangkan birokrasi dalam pengurusan dan pentadbiran tanah, menjadikan perkhidmatan lebih cekap dan efisien.

Dalam pada itu, beliau berkata PPTGWPL telah menguatkuaskan pelaksanaan Akta Hakmilik Strata di WP Labuan bermula 1 Januari 2020, amalan biasa yang dilaksanakan di Semenanjung Malaysia seperti Kuala Lumpur, Putrajaya, Pulau Pinang dan Selangor.

Hak milik strata merupakan hak milik berasingan bagi setiap unit atau petak dalam bangunan dua tingkat atau lebih, atau petak tanah yang dibina di atas sebidang tanah yang sama dan berkongsi akses kemudahan.

Hartanah berstrata selalunya merujuk kepada bangunan berbilang tingkat seperti flat, kondominium atau pangsapuri, atau petak tanah dalam satu komuniti berpagar.

“Hak milik strata digunakan sebagai bukti pemilikan bagi tujuan urus niaga, contohnya pindah milik, gadaian, cagaran, pembahagian pusaka dan sebagainya, yang selama ini pemilik petak/unit bertingkat hanya menggunakan S&P (perjanjian jual beli) sahaja sebagai bukti pemilikan.

“Hak milik strata wajib dipohon oleh pemaju/pemilik tanah apabila pemilik asal/pemaju telah menjual mana-mana unit/petak. Kesimpulannya, hak milik strata sama sebagaimana hak milik tanah yang melindungi pemilik daripada mengalami masalah pada masa hadapan sekiranya pemaju muflis, pemilik meninggal dunia atau kehilangan dokumen S&P,” jelasnya.

Muhammad Yasir berkata sementara itu, PPTGWPL juga sedang mengambil langkah untuk menyeragamkan kadar cukai tanah baharu pada 2022 yang sepatutnya dilaksanakan pada 2020 selaras dengan Kaedah-Kaedah Tanah Wilayah Persekutuan Labuan (No.2) 2010 (KKTWPL).

Namun, kerajaan memutuskan untuk menangguhkan pengenaan kadar cukai baharu tersebut ke 2022 kerana prihatin terhadap rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan perkembangan ekonomi yang perlahan, katanya.

Menurutnya, kadar cukai baharu ini perlu dilaksanakan bagi memberi keadilan kepada pemilik-pemilik tanah yang telah membayar cukai mengikut kadar ditetapkan dalam KKTWPL memandangkan masih terdapat 7,610 hak milik daripada 12,614 hak milik yang masih membayar cukai dengan kadar lama dan 736 hak milik yang tidak dikenakan cukai.

Beliau berkata kadar cukai tanah yang dikenakan mengikut KKTWPL adalah berdasarkan keputusan yang ditetapkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tanah WP Labuan (JKTWPL) berpandukan kajian dan perbandingan kadar cukai di negeri-negeri lain yang setara dengan Labuan.

“Berdasarkan kajian dan perbandingan, kadar cukai baharu yang akan dikenakan bagi hak milik tanah di WP Labuan adalah agak rendah bersesuaian dengan nilai tanah dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini,” tambahnya.

Muhammad Yasir berkata seiring dengan arus pembangunan di negara ini yang melihat pendigitalan dalam pelbagai urusan pentadbiran, pelbagai sistem pengurusan dan pentadbiran secara elektronik telah diwujudkan yang turut membawa kepada kelahiran sistem e-Tanah, pengenalan kepada hak milik strata dan pelaksanaan penyeragaman cukai tanah yang lebih adil dan efisien.

“Usaha proaktif PPTGWPL dalam memudahkan pengurusan pentadbiran tanah dengan menggunakan kemudahan teknologi akan dapat membantu penduduk WP Labuan menguruskan hal ehwal tanah dengan lebih selesa, cepat dan dinamik,” katanya.

-- BERNAMA